

CARA – CARA MEMOHON

- a) Permohonan-permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Majlis Perbandaran Kulai yang boleh diperolehi daripada Pejabat Majlis secara percuma. Borang Permohonan juga boleh diperolehi dengan muat turun dari Laman Web rasmi www.mpkulai.gov.my
- b) Hanya satu permohonan sahaja yang dibenarkan bagi satu jawatan yang dipohon.
- c) Permohonan hendaklah disertakan bersama sekeping gambar berukuran passport, salinan Kad Pengenalan, Sijil Persekolahan dan Sijil Berhenti Sekolah (**setiap salinan sijil hendaklah diperakui sah oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional ke atas atau Penghulu Mukim atau Guru Besar / Pengetua**).
- d) Bagi kelayakan Sijil/ Diploma/ Ijazah perlu dilampirkan pengiktirafan kelayakan di jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui **Laman Web <http://www2.mqa.gov.my/esisraf>** dan dihantar bersama borang permohonan.
- e) Permohonan yang lewat diterima, tanpa gambar dan tanpa dokumen – dokumen di atas dan tidak mengikut syarat/peraturan tidak akan dilayan.
- f) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat mestilah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab 'A' Bil.17 dibawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam Tahun 2015 dan memastikan Laporan Penilaian Prestasi, Surat Kebenaran Permohonan dari Ketua Jabatan dan Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini disertakan bersama-sama.
- g) Permohonan hendaklah dihantar terus kepada :

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KULAI,
JALAN PEJABAT KERAJAAN,
81000 KULAI, JOHOR.
U.P.: UNIT SUMBER MANUSIA**

Pada atau sebelum jam 5.00 petang pada 13 JULAI 2020 dengan mencatat Nama dan Jawatan yang dipohon disebelah kiri sampul surat.

Hanya calon – calon yang berkelayakan dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga. Mereka yang tidak dihubungi selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.



**HAJI MOHAMMED SHAKIB BIN HAJI ALI
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KULAI**